

**THE ROLE OF HISBAH INSTITUTION IN GOVERNING IHTIKAR ACTIVITIES
IN MALAYSIA**

PERANAN INSTITUSI HISBAH DALAM MENGAWAL KEGIATAN IHTIKAR DI MALAYSIA

All-Mu'izz Abas ⁱ & Anwar Fakhri Omar ⁱⁱ

ⁱ (*Corresponding author*). Pelajar Sarjana, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). allmuizzabas@gmail.com

ⁱⁱ Pensyarah, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). anwar.fpi@ukm.edu.my

Abstract	<p><i>The role of hisbah is so crucial in safeguarding the common good of the Muslim society, encompassing political, social, and economic activities. The concept of hisbah is based on enjoining what is right and forbidding what is wrong, and it should be carried out regardless of the time or context, even if the executing body uses a different name. This article explores how the practices of the existing hisbah institution in Malaysia plays a role in monitoring and eradicating ihtikar activities in alignment with the current laws to achieve a stable local economy. This research was conducted through a qualitative study method, which involved analyzing a collection of books, articles, and data obtained from the official portal of the Malaysian government ministries. The research findings indicate that the prohibition of ihtikar in Malaysia is not limited to essential human food supplies alone; it extends to all controlled goods listed by the ministry, which functions as the hisbah institution in economic regulation in Malaysia. This study has found that the enforcement of the Control of Supplies Act, 1961 (Act 122), as mandated by the law in Malaysia, regarding ihtikar offenses is in line with the fundamental principles of Maqasid al-Shariah, which prioritize the preservation of life and property.</i></p> <p>Keywords: <i>Hisbah, Economy, Ihtikar, Law, Act 122.</i></p>
Abstrak	<p><i>Peranan hisbah begitu penting dalam usaha menjaga kemaslahatan umum masyarakat Islam yang merangkumi kegiatan politik, sosial dan ekonomi. Konsep pelaksanaan hisbah berprinsipkan al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar sesuai dilaksanakan tidak kira zaman mahupun persekitaran, sekalipun badan pelaksanaannya menggunakan nama yang lain. Artikel ini mengkaji bagaimana amalan institusi hisbah yang wujud di Malaysia berperanan dalam mengawasi dan membanteras kegiatan ihtikar menurut peruntukan undang-undang yang sedia ada demi mencapai ekonomi tempatan yang stabil. Penelitian ini dijalankan secara kajian kualitatif iaitu dengan kaedah menganalisis himpunan kitab-kitab, artikel-artikel dan data-data yang diperoleh daripada portal rasmi kementerian kerajaan Malaysia. Hasil penelitian menunjukkan bahawa larangan ihtikar yang disandarkan di Malaysia adalah tidak terhad kepada bekalan makanan asasi manusia sahaja, larangan tersebut terpakai untuk semua barang-barang kawalan yang telah disenaraikan oleh kementerian yang berperanan sebagai institusi hisbah dalam pengawalan ekonomi di Malaysia. Kajian juga mendapati penguatkuasaan Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) yang diperuntukkan oleh undang-undang di</i></p>

	<i>Malaysia ke atas kesalahan ihtikar adalah selari dengan prinsip Maqasid Syariah iaitu hifz al-nafs dan hifz al-mal.</i>
--	--

	Kata kunci: <i>Hisbah, Ekonomi, Ihtikar, Undang-undang, Akta 122.</i>
--	---

PENDAHULUAN

Hisbah merupakan sebuah institusi yang berperanan penting untuk menjaga dan mengawasi masalah umum masyarakat Islam termasuk kegiatan politik, sosial dan ekonomi. Sehubungan itu, terdapat ahli ilmunan Islam yang mendefinisikan institusi hisbah sebagai satu badan pengawasan yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk mengawasi kegiatan individu dalam perkara yang berkaitan dengan kehidupan sosial secara umumnya dengan tujuan menjaga keadilan sebagaimana yang dianjurkan oleh syariat Islam, bersesuaian dengan peredaran masa dan suasana persekitaran. Amalan hisbah telah pun dilaksanakan sejak zaman Nabi Muhammad SAW dan kemudian amalan ini diteruskan pula oleh para Khulafa' al-Rasyidin setelah kewafatan baginda Rasulullah SAW. Hisbah pada ketika itu tidak didirikan sebagai satu institusi, para khalifah seringkali melakukan tugas hisbah ini secara sendirian, atau jika tidak mereka melantik beberapa orang pembantu untuk melancarkan lagi perjalanan tugas hisbah (Ma'tuq, 1982). Pengasingan institusi hisbah daripada institusi-institusi yang lain dalam sebuah kerajaan Islam dikatakan berlaku sejak era kerajaan Abbasiyyah pada tahun 157 Hijrah yang pada ketika itu pemerintahannya di bawah khalifah Abu Ja'far al-Mansur. Setelah berlakunya penjajahan kuasa-kuasa barat ke atas kebanyakan negara umat Islam, institusi hisbah semakin lama semakin pudar fungsi utamanya dan telah hilang identiti asalnya. Institusi hisbah pada ketika itu ada yang diserap serta ditempatkan ke institusi yang lain dan ada juga yang terus dikekalkan namun peranannya tidak lagi terpakai seperti mana pernah wujud sebelum itu. Sekalipun institusi hisbah pada hari ini ada perbezaan dengan yang sebelum ini, namun peranan dan pelaksanaannya masih berdiri atas dasar prinsip yang asal iaitu menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Biar apa pun nama yang diberikan, institusi hisbah harus wujud seiring dengan pemerintahan atau kerajaan Islam yang tertegak di atas konsep *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar* (Auni, 2000) yang menjadi asas utama kepada institusi ini. Prinsip yang dipegang adalah universal dan relevan dilaksanakan pada semua peringkat kehidupan dan zaman.

Antara pengawasan yang dilakukan oleh institusi hisbah adalah terhadap isu-isu yang berkaitan dengan kegiatan sektor ekonomi di dalam negara Islam. Kepentingan institusi ini dalam mengawasi urusan ekonomi bukan sahaja melibatkan aspek luaran. tetapi merangkumi juga pengawasan dari aspek dalaman, akhlak dan moral individu-individu yang terlibat dalam kegiatan tersebut. Menurut Zulfaqar Mamat (2010), dalam hal penjagaan ekonomi negara Islam, skop pengawasan yang dijalankan oleh institusi hisbah secara umumnya boleh dibahagikan kepada dua peranan utama, iaitu peranan umum yang termasuk di dalamnya sektor ekonomi itu sendiri dan sektor-sektor yang berperanan khusus serta terlibat dalam kerjasama sektor ekonomi. Antara cabaran dan permasalahan yang dihadapi oleh institusi hisbah dalam hal ini adalah ihtikar yang berlaku di dalam negara iaitu kegiatan menahan dan menyembunyikan barangan dari peredaran dagangan (peniaga-pelanggan).

DEFINISI DAN KEFAHAMAN TERHADAP IHTIKAR

Beberapa takrifan ihtikar yang diberikan oleh ulama, antaranya adalah:

1. Imam al-Shawkaniyy mendefinisikan ihtikar sebagai perihal menimbun atau menahan barang dagangan dari peredarannya (Nasrun Haroen, 2007).
2. Pengertian yang diberikan oleh Imam al-Ghazaliyy (2003) adalah ihtikar merupakan penyimpanan barang dagangan oleh penjual makanan untuk menunggu sehingga harganya melonjak untuk dijual.

3. Menurut Imam al-Shiraziyy (1992), ihtikar adalah perbuatan seseorang membeli barang pada waktu harganya rendah dan menahannya bagi tujuan menaikkan harganya.
4. Imam al-Babartiyy (2007) menyebutkan bahawa ihtikar adalah menahan makanan dengan tujuan menunggu masa yang sesuai yang menaikkan harganya.
5. Pada pandangan Imam al-Bajiiyy (2010), ihtikar diertikan sebagai perbuatan menyimpan barang yang dibeli dan meminta untung dengan turun naik harga pasaran.
6. Al-Sayyid Sabiq (1981) mengatakan bahawa ihtikar sebagai perbuatan membeli dan menyimpan barang sehingga barang tersebut akan berkurangan di pasaran untuk masyarakat.

Perbuatan ini memberi kesan kepada masyarakat yang mana barangan yang terhenti dari peredaran dagangan itu terutamanya terdiri daripada barang keperluan asas masyarakat, maka masyarakat akan mengalami kesukaran kerana barangan yang diperlukan tersebut semakin berkurangan, malahan pula harganya semakin meningkat (Al-Sayyid Sabiq, 1981). Kegiatan ini merupakan satu kezaliman kerana pihak yang menghimpun dan menyorokkan barangan sangat berpotensi untuk memperoleh keuntungan yang besar, sedangkan masyarakat berada dalam keadaan amat sukar dan kerugian.

Ihtikar tidak sekadar boleh diterjemahkan sebagai monopoli dan penimbunan barangan semata-mata. Sedangkan dalam Islam, sesiapa sahaja boleh berniaga tanpa mengambilkira sama ada hanya dia satu-satunya penjual (monopoli) atau ada penjual lain yang turut berniaga barangan yang sama. Menurut Putri Nuraini (2019), tidak ada larangan dalam Islam berkenaan perbuatan menyimpan stok barang-barang keperluan, sebagaimana menyimpannya untuk persediaan bekalan. Adapun, ihtikar yang dilarang adalah dengan mengambil keuntungan yang lebih banyak berbanding keuntungan normal dengan cara menjual barangan pada harga yang lebih tinggi. Adiwarman Karim (2008) menyatakan perihal ini secara istilah ekonominya disebutkan sebagai *monopoly's rent-seeking* dan ini tidak diharuskan dalam Islam, berbeza dengan amalan monopoli yang asal.

Ihtikar juga dikenali sebagai amalan manipulasi pasaran dalam penawaran harga barangan dagangan (Putri Nuraini, 2019). Modus operandi ini dijalankan dengan cara pengeluaran bekalan barangan dagangan dipastikan berkurangan dan terhad. Oleh hal demikian, pembekal atau peniaga yang menahan stok akan mengambil keuntungan yang berganda menerusi jualan barangan pada harga yang lebih tinggi berbanding harga kebiasaan. Berkenaan dengan hal ini, sering disamakan dengan perbuatan monopoli kerana kegiatan ini kebiasaannya akan memperlihatkan seseorang pembekal atau peniaga itu menjadi pemain tunggal di pasaran kerana kuasanya boleh memberi kesan terhadap hal pengeluaran dan kemasukan produk dagangan ke pasaran.

PERSAMAAN DAN PERBEZAAN ANTARA IHTIKAR DAN MONOPOLI

Berdasarkan kajian Fasiha Kamal dan Muhammad Ruslan Abdullah (2018), ihtikar dan monopoli mempunyai beberapa persamaan dan perbezaan. Antara persamaan kedua-duanya adalah:

1. Ihtikar dan monopoli kedua-duanya mempunyai unsur kepentingan sebelah pihak dalam mempermainkan harga suatu barangan dalam pasaran.
2. Kedua-dua pihak yang melakukan ihtikar dan monopoli mempunyai pilihan sama ada hendak mengeluarkan barangan ke pasaran atau pun tidak.
3. Ihtikar dan monopoli kedua-duanya boleh mengakibatkan ketidakpuasan dan kerugian terhadap masyarakat.

Manakala perbezaan antara keduanya pula adalah:

1. Ihtikar tidak memerlukan modal yang besar, perniagaan yang berkos kecil dan sedikit pun boleh bertindak sedemikian. Berbeza dengan monopoli yang kebiasaannya yang dipelopori oleh satu pihak yang memiliki modal yang besar.

2. Kegiatan ihtikar dilakukan dengan cara menahan barangan sehingga harganya meningkat. Ada pun monopoli, penetapan harga tertakluk di bawah pemerintah.
3. Demi keuntungan yang maksima, kegiatan ihtikar meningkatkan harga barangan secara mendadak dan akan mengakibatkan inflasi. Manakala kegiatan monopoli, kebiasaannya kenaikan harga barangan adalah disebabkan peningkatan kos operasi dan modal produksi.
4. Kegiatan ihtikar adalah dilarang dan merupakan satu kesalahan di sisi undang-undang, berbeza dengan monopoli yang sah diamalkan di sisi undang-undang.

IHTIKAR MENURUT PERSPEKTIF SYARAK

Menurut prinsip hukum Islam, apa-apa saja yang diharamkan oleh Allah SWT untuk dimiliki dan dimanfaatkan, maka ianya juga halal untuk dijadikan sebagai objek perdagangan. Begitulah di sebaliknya, maka haram hukum untuk diperdagangkannya. Namun terdapat ketentuan hukum Islam yang ditentukan ke atas sikap dan perbuatan peniaga atau pedagang yang bertentangan dengan syarak sekalipun barangan tersebut adalah halal. Dasar hukum yang digunakan oleh para ulama fiqh yang mengatakan tidak boleh adanya ihtikar adalah berdasarkan kebanyakan kandungan nilai-nilai universal al-Qur'an yang menyatakan bahawa setiap perbuatan aniaya atau memberi kesan yang zalim adalah dicela dalam Islam. Allah SWT melaknat orang-orang yang berlaku zalim:

﴿أَلَا لَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الظَّالِمِينَ﴾

Maksudnya: "Ketahuilah (sesungguhnya) laknat Allah tertimpa kepada orang-orang yang zalim" (Al-Qur'an. Hud: 18).

Rasulullah SAW telah menyampaikan sebuah hadis qudsi bahawa Allah SWT telah berfirman:

{ يَا عِبَادِيَ إِنِّي حَرَّمْتُ الظُّلْمَ عَلَى نَفْسِي وَجَعَلْتُهُ بَيْنَكُمْ مُحَرَّمًا فَلَا تَظَالَمُوا }

Maksudnya: "Wahai hamba-hambaKu, sesungguhnya Aku mengharamkan kezaliman atas diriKu dan Aku menjadikan kezaliman itu haram di antara kalian, maka janganlah kalian saling menzalimi." (Hadis. Muslim. 2577)

Rasulullah SAW telah menyatakan secara jelas berkenaan larangan terhadap perbuatan ihtikar di dalam sebuah hadis Sa'id bin al-Musayyab:

{ لَا يَحْتَكِرُ إِلَّا خَاطِئٌ }

Maksudnya: "Tidak menimbun barangan melainkan orang yang berdosa." (Hadis. Muslim. 1605)

Bentuk pengharaman ihtikar berdasarkan hadis di atas adalah dengan penggunaan kata larangan (لا النافية). Manakala kalimah خاطئ pula membawa makna orang yang berbuat dosa, sebagaimana Allah SWT telah ungkapkan ciri-ciri kata nama pelaku ini kepada golongan yang mempunyai sifat angkuh dan sombong seperti di dalam ayat:

﴿وَحَزَنًا إِنَّ فِرْعَوْنَ وَهَمَانَ وَجُنُودَهُمَا كَانُوا خَاطِئِينَ﴾

Maksudnya: "Sesungguhnya Firaun dan Haman serta orang-orangnya adalah golongan yang bersalah" (Al-Qur'an. al-Qasas: 8).

Selain itu, hadis-hadis yang berkaitan dengan larangan ihtikar adalah bertepatan dengan dalil al-Qur'an yang melarang perbuatan zalim seperti firman Allah SWT:

﴿وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ﴾

Maksudnya: "Dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran." (Al-Qur'an. al-Maidah: 2)

Berdasarkan ayat di atas, Allah SWT melarang manusia terlibat dalam perbuatan zalim. Perbuatan ihtikar termasuk dalam perbuatan yang zalim dan dikira sebagai dosa. Kegiatan ihtikar juga bukanlah cara berdagang atau berniaga yang benar, perbuatan zalim tersebut tidak mencapai keredaan antara kesemua pihak, sebagaimana dalam firman Allah SWT:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُم بَيْنَكُم بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِنْكُمْ﴾

Maksudnya: "Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku dengan suka sama suka di antara kamu" (Al-Qur'an. al-Nisa': 29).

Pandangan Ulama Terhadap Ihtikar

Di dalam kajian Fasiha Kamal dan Muhammad Ruslan Abdullah (2018), telah dinyatakan bahawa Imam Abu Yusuf iaitu ulama fiqh bermazhab Hanafi berpendapat bahawa ihtikar tidak terbatas untuk bekalan makanan asasi manusia sahaja, malah termasuk kesemua jenis barangan yang dikehendaki oleh manusia. Pandangan ini selari dengan pendapat Imam Hanafi, Sufyan al-Thauri dan Imam Malik kerana larangan ihtikar adalah bersifat umum berdasarkan hadis yang diriwayatkan daripada Sa'id bin al-Musayyab. Imam Syafie dan Imam Ahmad pula mengutarakan bahawa ihtikar yang diharamkan adalah hanya pada bahan makanan asas sahaja. Begitu juga yang disebutkan oleh Imam al-Ghazaliyy sebagai ulama yang bermazhab al-Syafie:

{بَائِعِ الطَّعَامِ يُدَجِّرُ الطَّعَامَ يَنْتَظِرُ بِهِ غَلَاءَ الْأَسْعَارِ، وَهُوَ ظَلَمَ عَامًّا، وَصَاحِبُهُ مَذْمُومٌ فِي الشَّرْعِ}

Maksudnya: "Penjual makanan yang menyimpan makanannya untuk menunggu melonjaknya harga, kemudian menjualnya setelah harga makanan tersebut melonjak, maka hal tersebut merupakan kezaliman yang umum, dan yang melakukan hal demikian menurut syara' adalah perbuatan tercela". (al-Ghazaliyy, 2003)

Imam al-Ghazaliyy menyatakan bahawa kegiatan ihtikar hanyalah melibatkan produk-produk makanan sahaja. Perkara ini dibahaskan dengan menggunakan hadis yang telah diriwayatkan oleh Ibn 'Umar RA:

{مَنْ إِحْتَكَرَ الطَّعَامَ أَرْبَعِينَ لَيْلَةً فَقَدْ بَرِيَ مِنَ اللَّهِ وَبَرِيَ اللَّهُ مِنْهُ}

Maksudnya: "Barangsiapa yang menimbun makanan (keperluan asasi manusia) selama empat puluh malam, maka ia terlepas dari (hubungan dengan) Allah dan Allah pun melepaskan (hubungan dengan)-Nya." (Hadis. Ahmad. 4880)

Status hadis yang diriwayatkan oleh Ibn 'Umar RA di atas adalah daif (al-Baniyy, 1994). Imam al-Ghazaliyy merupakan antara ulama yang mengambil hadis daif dalam istinbat hukum, namun dengan syarat mendahulukan sanad hadis yang banyak dan statusnya tidak sampai ke tahap berbohong. Selain itu, hadis daif ini tidak berlawanan dengan hadis-hadis sahih seperti yang telah dinyatakan sebelum ini. Imam empat mazhab berpegang bahawa hadis daif tetap lebih kuat hujahannya daripada pandangan akal manusia (al-Sakhawiy, 2003; al-Jawziyyah, 1991).

Berdasarkan konsep Maqasid Syariah, perbuatan ihtikar merupakan perbuatan yang mendatangkan kemudaratan terhadap kehidupan masyarakat. Imam al-Ghazaliyy menjelaskan bahawa ihtikar adalah termasuk di bawah kezaliman yang Allah SWT telah janjikan dengan azab yang pedih kepada pelaku-pelakunya. Oleh hal yang demikian, Imam al-Ghazaliyy berhujah dengan dalil al-Qur'an dalam masalah ihtikar berdasarkan ayat:

﴿وَمَنْ يُرِدْ فِيهِ بِإِلْحَادٍ بِظُلْمٍ نُذِقْهُ مِنْ عَذَابِ أَلِيمٍ﴾

Maksudnya: "Dan sesiapa yang berazam melakukan di situ sebarang perbuatan yang di larang dengan cara yang zalim, Kami akan merasakannya azab yang tidak terperi sakitnya." (Al-Qur'an. al-Hajj: 25)

Antara pandangan ulama kontemporari yang tidak asing ketika ini iaitu al-Qardawiy telah mengatakan bahawa ihtikar dilakukan dengan dasar *ananiyah* iaitu mementingkan diri sendiri, tanpa menghiraukan mudarat yang akan menimpa kehidupan orang ramai, asalkan dengan cara itu ia dapat menghasilkan keuntungan yang besar (al-Qardawiy, 2000). Keuntungan yang diperoleh tersebut adalah haram. Hal ini sebagaimana dinyatakan dalam hadis larangan ihtikar diriwayatkan daripada Sa'id bin al-Musayyab, di mana pelakunya dikatakan sebagai *al-khati*, yang mempunyai makna yang sama dengan makna *al-'asim* iaitu orang yang berbuat dosa.

Dari sudut aspek Maqasid Syariah, pengharaman kegiatan ihtikar ini adalah tidak hanya terhad kepada barang-barang makanan sahaja. Larangan tersebut perlu diberi perhatian ke atas barangan atau produk yang berstatuskan *daruriyyat* yang menjadi keperluan utama dalam kehidupan manusia. Sebagai contoh selain daripada makanan, ubat-ubatan juga menjadi kepentingan manusia dalam usaha menjaga kesihatan yang bertepatan dengan prinsip Maqasid Syariah yang bertujuan menjaga nyawa manusia (*hifz al-nafs*). Namun al-Qardawiy menyatakan larangan tersebut tidaklah dikatakan untuk hal-hal *daruriyyat* sahaja, malah ihtikar tetap tidak boleh sewenang-wenangnya diperlakukan ke atas produk-produk yang berstatus *hajiyyat* (keperluan tambahan) dan *tahsiniyyat* (pelengkap) yang boleh membantu dan memudahkan kehidupan harian manusia. Secara ringkasnya, al-Qardawiy (2000) meletakkan dua syarat utama berkenaan larangan ihtikar iaitu sekiranya penimbunan barangan dilakukan di suatu negara sehingga boleh menimbulkan kesusahan kepada masyarakat di situ pada waktu itu dan sekiranya penimbunan itu dilakukan dengan matlamat untuk menaikkan harga barangan di pasaran, agar pihak pelaku boleh memperoleh keuntungan yang berganda hasil daripada pembelian penduduk di situ ketika itu.

Fatwa Malaysia Terhadap Kegiatan Ihtikar

Satu-satunya fatwa yang telah dikeluarkan bagi menjawab isu ihtikar di Malaysia hanyalah fatwa yang dikeluarkan oleh Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah. Keputusan bagi Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah (Bil. 1/2017) yang telah bersidang pada 21-23 Februari 2017, bertempat di Bilik Likas, Hotel Horizon, Kota Kinabalu, Sabah bagi membincangkan mengenai perkara "Hukum Menyorok Barangan (Ihtikar)" dan bersetuju memutuskan untuk diwartakan di negeri Sabah bahawa:

1. Hukum peniaga menyorok barangan keperluan asas (ihtikar) bagi tujuan menaikkan harga adalah haram.
2. Peniaga yang menyorok barangan keperluan asas (ihtikar) boleh mendatangkan kesan buruk kepada negara seperti inflasi.
3. Menyorok barangan keperluan asas (ihtikar) adalah satu pengabaian Maqasid Syariah iaitu penjagaan harta.
4. Para Peniaga hendaklah menjauhi perbuatan menyorok barangan keperluan asas (ihtikar) untuk menjaga masalah dan kesejahteraan awam.

PENGAWASAN BADAN HISBAH TERHADAP IHTIKAR DI MALAYSIA

Di Malaysia terdapat banyak isu yang timbul tentang bekalan makanan yang tidak mencukupi untuk pengguna. Antara isu-isu yang pernah dihadapi oleh pengguna adalah isu kekurangan bekalan gula, tepung, beras, ayam dan minyak masak yang menjadi keperluan asas masyarakat di Malaysia (Afida Mastura & Muhammad Arif, 2014). Perkataan ihtikar tidak digunakan secara langsung dalam undang-undang yang ada di Malaysia, namun konsep umum ihtikar seperti yang telah dibincangkan itu boleh difahami seperti kesalahan menyorokkan barangan kawalan.

Institusi atau badan organisasi yang bertanggungjawab memainkan peranan hisbah dalam menjalankan pengawasan terhadap kegiatan ihtikar di Malaysia adalah salah satu kementerian kerajaan itu sendiri, iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN). Fungsi utama KPDN adalah menggubal dasar, strategi dan mengkaji perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan dalam negeri, khususnya dalam sektor perdagangan,

pengedaran dan kepenggunaan. Antara bidang tugas kementerian yang selari dengan konsep hisbah dalam usaha menangani kegiatan ihtikar di Malaysia adalah menentukan dan memantau harga barang-barang keperluan serta mengawalselia penjualan dan pengedarannya (KPDN, 2022). Termaktub dalam Dasar Amalan Perdagangan Adil (DAPA) yang telah mendapat kelulusan daripada Mesyuarat Jemaah Menteri pada 26 Oktober 2005, antara objektifnya adalah:

1. Mempromosi dan melindungi persaingan dalam pasaran.
2. Mewujudkan usahawan yang dinamik dan berdaya saing.
3. Menyediakan peluang pasaran yang adil dan berdaya saing bagi perniagaan.
4. Melarang amalan-amalan perdagangan tidak adil dalam ekonomi.
5. Melarang amalan anti-persaingan termasuk amalan yang dilakukan di luar Malaysia yang menjejaskan pasaran domestik.

Matlamat yang dinyatakan oleh KPDN dalam Dasar Amalan Perdagangan Adil (DAPA) ini bertepatan dengan prinsip Maqasid Syariah iaitu *hifz al-mal* (penjagaan harta) di sebalik pelaksanaan hisbah terhadap pengawalan dan pengawasan isu-isu ekonomi di Malaysia, terutamanya dalam menangani kegiatan ihtikar dan monopoli yang tidak sihat. Oleh hal yang demikian, undang-undang berkaitan dengan perkara ini diperuntukkan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) bagi merealisasikan objektif syarak di sebalik pelaksanaan hisbah terhadap pengawasan kegiatan ekonomi ini.

PENGAWASAN UNDANG-UNDANG MALAYSIA TERHADAP IHTIKAR

Masalah-masalah yang berhubung kait dengan barangan di Malaysia seumpama kesalahan menahan atau menyorokkan barang-barang kawalan (ihtikar), terletak di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122). Afida Mastura dan Muhammad Arif (2014) menyatakan bahawa penguatkuasaan akta ini memainkan peranan yang amat penting bagi membentaras aktiviti penyelewengan bekalan seperti menyorokkan barangan (ihtikar).

Akta 122 & Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974

Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) memperuntukkan kuasa untuk menetapkan barang-barang kawalan yang terdiri daripada makanan dan keperluan asas masyarakat, bagi tujuan pemantauan dan pengawalan terhadapnya di pasaran. Segala pengeluaran, pengedaran, penjualan dan penyimpanan bagi setiap barang yang telah diisytiharkan atau ditetapkan sebagai barang kawalan, akan dikawal oleh kerajaan. Perkara ini bertujuan untuk mengelakkan berlakunya kegiatan manipulasi terhadap bekalan barang-barang oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Walaubagaimanapun, tidak semua barang keperluan terdapat dalam senarai barang kawalan di bawah undang-undang ini. Akta 122 dan Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974 telah menetapkan tiga jenis barang kawalan, iaitu Barang Kawalan Sepanjang Masa, Barang Kawalan Berjadual dan Barang Kawalan Musim Perayaan.

Barang-barang yang dikawal sepanjang masa adalah melibatkan keperluan asas pengguna seperti gula, garam, tepung, roti, minyak masak, baja, racun serangga, simen dan lain-lain. Pengawalan terhadapnya adalah demi memastikan barang-barang ini mudah didapati dan untuk mencegah kegiatan menyorokkan barangan. Melalui kegiatan ini, para peniaga yang tidak beretika mampu mengaut keuntungan yang berlipat ganda kerana menyebabkan harga barang di pasaran melambung naik ekoran permintaan yang tinggi. Maka barang-barang ini perlu sentiasa dikawal bagi tujuan untuk menstabilkan harganya di pasaran pengguna.

Barang Kawalan Berjadual pula merujuk kepada barang-barang keperluan yang kritikal yang mana para pengilang dan pengedar dikehendaki mendapatkan lesen untuk menjual barang-barang tersebut. Langkah ini bertujuan untuk memastikan bahawa stok simpanan dan pengedaran barang-barang kawalan tersebut dapat diawasi oleh kerajaan. Tindakan pihak yang tidak bertanggungjawab terhadap barangan jenis ini akan menimbulkan masalah dan memberi kesan yang besar terhadap ekonomi masyarakat.

Antara barang kawalan yang termasuk dalam peraturan ini ialah gula, roti, tepung gandum, ayam, minyak masak, petrol, simen dan lain-lain (KPDN, 2022).

Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan juga menetapkan barangan tertentu yang perlu dititikberatkan pengawasannya pada musim perayaan. Barang-barang kawalan ini kebanyakannya sama dan tidak asing daripada barang-barang kawalan diperuntukkan dalam Barang Kawalan Sepanjang Masa dan Barang Kawalan Berjadual seperti tepung, minyak masak dan ayam. Terdapat juga barangan yang ditambah dalam senarai kawalan seperti mentega, keju, majerin, minuman kotak dan botol, buah-buahan dan sayur-sayuran. Akta 122 memastikan bekalan barangan yang disenaraikan tersebut mencukupi untuk masyarakat pada sepanjang musim perayaan dan boleh didapati pada harga kawalan.

Kesalahan dan Hukuman Terhadap Kesalahan Ihtikar

Perbuatan menyorokkan atau memusnahkan barang-barang kawalan supaya barang-barang kawalan tersebut disekat daripada memasuki pasaran adalah salah di sisi undang-undang Malaysia. Kesalahan ini boleh dihukum di bawah Seksyen 15 Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122). Sesiapa sahaja yang melakukan kesalahan ini boleh didakwa di mahkamah dan jika didapati bersalah, ia boleh didenda atau dipenjarakan. Individu yang didapati bersalah boleh dihukum denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali (Afida Mastura & Muhammad Arif, 2014). Sebagai contoh kes yang terpapar di portal rasmi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, antara siasatan yang dijalankan adalah:

1. Lim Hak Liang yang telah dibicarakan pada 8 Januari 2017 di Mahkamah Majistret Langkawi. Beliau diarahkan oleh mahkamah untuk membayar denda sebanyak RM30,000 atau penjara selama 12 bulan sekiranya gagal bayar.
2. Kan Bak Nguang yang telah dibicarakan pada 25 Januari 2017 di Mahkamah Sesyen Taiping, Perak. Beliau diarahkan oleh mahkamah untuk membayar denda sebanyak RM20,000 atau penjara selama tiga bulan jika gagal bayar.

Begitu juga kes yang berlaku pada tahun 2022, had hukuman yang dijatuhkan masih sama seperti mana kes yang dilaporkan oleh Diyanatul Atiqah Zakarya (2022) atas nama pihak tertuduh, Samchah Mohamad yang telah dibicarakan pada 3 Februari 2022 di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh, Melaka. Beliau diarahkan oleh mahkamah untuk membayar denda sebanyak RM30,000 atau dipenjarakan selama enam bulan sekiranya gagal bayar.

Bagi kesalahan yang seterusnya iaitu bukan pada kali pertama yang dilakukan oleh individu, pesalah boleh didenda tidak melebihi RM250,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya. Kesalahan yang dilakukan oleh syarikat pula, denda boleh dikenakan tidak melebihi RM250,000 dan bagi kesalahan yang berikutnya tidak melebihi RM500,000. Sebelum pindaan tahun 2006, jumlah asal bagi kesalahan yang dilakukan oleh individu hanyalah RM15,000 bagi kesalahan pertama dan RM25,000 bagi kesalahan seterusnya. Manakala bagi syarikat pula, denda asal hanyalah RM25,000 dan RM50,000 bagi kesalahan seterusnya.

Kenaikan denda yang amat tinggi dan berbelas-belas kali ganda daripada jumlah asal semasa pindaan pada tahun 2006 ini menunjukkan betapa seriusnya kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Akta 122 ini. Apabila tertuduh itu disabitkan dengan kesalahan di bawah Akta 122, mahkamah yang mensabitkannya itu berkuasa untuk mengarahkan agar lesen perniagaannya sama ada digantung atau dibatalkan atau melarang individu atau syarikat tersebut daripada mendapatkan lesen baharu pada suatu jangka masa yang ditentukan atau selama-lamanya. Pada pandangan Afida Mastura dan Muhammad Arif (2014), tindakan undang-undang ini harus menjadi pengajaran yang sewajarnya kepada para peniaga yang tidak berlaku jujur.

KESIMPULAN

Pelaksanaan hisbah yang diamalkan di Malaysia masih lagi berprinsipkan *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar*. Peranan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) sebagai sebuah institusi kerajaan yang menjalankan tugas hisbah amat signifikan dalam usaha mengawal kegiatan ekonomi negara agar terus stabil. Pelaksanaan undang-undang di bawah peruntukan Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) begitu penting sekali untuk mengawasi kegiatan haram yang dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab, terutamanya mereka yang sewenang-wenangnya menimbun dan menahan barang-barang kawalan dari masuk ke pasaran demi meraih keuntungan yang berganda-ganda hasil daripada kenaikan harga barang-barang tersebut. Konsep ihtikar yang disandarkan di Malaysia adalah seperti mana pandangan Imam Hanafi, Imam Malik dan Sufyan al-Thauri yang mana mereka tidak menghadkan untuk bekalan makanan asasi manusia sahaja. Selagi mana barang-barang terkawal itu menjadi keperluan asas masyarakat sekalipun bukan makanan, maka salah di sisi hukum dan undang-undang sekiranya barangan tersebut dimanipulasi dalam kegiatan ihtikar.

Kerajaan atau pemerintah telah menyerahkan amanah untuk menjalankan tugas hisbah dalam ekonomi kepada KPDN, maka para pengguna juga harus menyokong tindakan dengan memberikan kerjasama yang baik terhadap usaha ini. Hal ini demi memastikan masalah umum masyarakat terus terpelihara dengan baik. Oleh itu, salah satu usaha yang dititikberatkan adalah dengan cara membanteras kegiatan haram ihtikar yang boleh memberi kesan negatif terhadap kepentingan prinsip Maqasid Syariah terutamanya *hifz al-nafs* (penjagaan nyawa) dan *hifz al-mal* (penjagaan harta).

RUJUKAN

Buku

- Adiwarman Karim. 2008. *Ekonomi Mikro Islami*. Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada.
- al-Babartiyy, Muhammad bin Mahmud Kamal al-Din. 2007. *Al-'Inayah Syarh al-Bidayah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Bajiyy, Abu al-Walid Sulayman. 2010. *Al-Muntaqa Sharh al-Muwatta'*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- al-Baniyy, Muhammad Nasiruddin. 1994. *Ghayah al-Maram fi Takhrij Ahadith al-Halal wa al-Haram*. Beirut: Al-Maktab al-Islami.
- al-Ghazaliyy, Abu Hamid. 2003. *Ihya' 'Ulumuddin*. Kaherah: Dar al-Salam.
- al-Jawziyyah, Muhammad bin Abi Bakr bin Qayyim. 1991. *I'lam al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Alamin*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Qardawiyy, Yusuf. 1994. *Al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*. Beirut: Dar al-Maktab al-Islami.
- al-Qardawiyy, Yusuf. 2000. *Fatawa Mu'assirah*. Kaherah: Dar al-Qalam.
- al-Sakhawiyy, Shams al-Din Muḥammad ibn 'Abd al-Raḥman. 2003. *Fath al-Mughith bi Sharh Alfiah al-Hadith li al-'Iraqi*. Kaherah: Maktabah al-Sunnah.
- al-Sayyid Sabiq, Muhammad. 1981. *Fiqh al-Sunnah*. Lubnan: Dar al-Fikr.
- al-Shiraziyy, Abu Ishaq Ibrahim. 1992. *Al-Muhadhdhab fi Fiqh al-Imam al-Shafi'i*. Kaherah: Dar al-Qalam.
- Auni Haji Abdullah. 2000. *Hisbah dan Pentadbiran Negara*. Kuala Lumpur: Ikdas Sdn Bhd.
- Ma'tuq, Rashad Abbas. 1982. *Nizam al-Hisbah fi al-'Iraq hatta 'Asr al-Ma'mun*. Jeddah: Tihama.
- Nasrun Haroen. 2007. *Fiqh Muamalah*. Jakarta: Gaya Media Pratama.

Jurnal

- Afida Mastura & Muhammad Arif. 2014. *Perlindungan Pengguna di Bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 (Pindaan 2006)*. Jurnal Pengguna Malaysia (23): 103-113.

- Fasiha Kamal & Muhammad Ruslan Abdullah. 2018. *Analisis Hukum Ekonomi Islam Terhadap Praktek Ihtikar*. Al-Amwal: Journal of Islamic Economic Law (3)(2): 186-197.
- Putri Nuraini. 2019. *Dampak Ekonomi dari Ihtikar dan Siyasah Al-Ighraq dalam Konsep Jual Beli*. Al-Hikmah: Jurnal Agama dan Ilmu Pengetahuan (16)(1): 36-50.
- Zulfaqar Mamat. 2010. *Institusi Hisbah dan Peranannya dalam Mengawal Kegiatan Ekonomi Negara Islam*. Jurnal Muamalat (3): 113-138.

Laman Sesawang

- Diyanatul Atiqah Zakarya. 2022. *Padah sorok barang, peniaga didenda RM30,000. Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/terkini/2022/02/padah-sorok-barang-peniaga-didenda-rm30000/> [diakses pada 25 Disember 2022]
- JAKIM, e-Sumber Maklumat Fatwa. 2017. *Menyorok Barangan (Ihtikar)*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/15844> [diakses pada 19 Disember 2022]
- KPDN, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri. 2022. *Dasar*. <https://www.kpdn.gov.my/ms/info-korporat/dasar> [diakses pada 20 Disember 2022]
- KPDN, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri. 2022. *Data Pesalah di bawah Undang-Undang KPDN*. https://www.kpdn.gov.my/?option=com_content&view=article&id=152&Itemid=274&lang=ms [diakses pada 22 Disember 2022]
- KPDN, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri. 2022. *Fungsi KPDN*. <https://www.kpdn.gov.my/ms/info-korporat/fungsi-kpdn> [diakses pada 20 Disember 2022]
- KPDN, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri. 2022. *Senarai Barang-Barang Kawalan Berjadual*. <https://www.kpdn.gov.my/ms/perdagangan/perniagaan/kawal-selia-barang-kawalan/senarai-barang-barang-kawalan-berjadual> [diakses pada 21 Disember 2022]

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.